

Peluncuran ISRA Corner Perkukuh Pengetahuan Kewangan Islam

Tanjong Malim, 25 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kini menjadi salah satu daripada enam institusi pengajian tinggi terpilih yang menempatkan ISRA Corner, sebuah inisiatif penting untuk memperkaya pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kewangan Islam.

Projek ini dijayakan dengan penajaan oleh CIMB Islamic Bank serta kerjasama International Centre of Education in Islamic Finance (INCEIF) University dan Pusat Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam (ISRA).

Sejak tahun 2021, CIMB Islamic Bank telah bekerjasama dengan ISRA untuk projek ISRA Corner, dan sehingga kini, enam institusi pengajian tinggi tempatan telah menempatkan sudut ini, termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA Puncak Alam, Universiti Islam

Antarabangsa, Politeknik Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia, dan Universiti Islam Selangor. Pada tahun 2024, CIMB Islamic Bank telah menyalurkan dana sebanyak RM315,000 untuk projek ISRA Corner di enam universiti tempatan terpilih, termasuk UPSI. Majlis peluncuran ISRA Corner disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Norkhalid Salimin, yang bertindak sebagai pemangku Naib Canselor UPSI. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Abdul Rahim Razalli; Pendaftar Helmi Zaifura Abdul Rahman; Bendahari Mohamad Najib Mohamed, dan Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Prof. Madya Dr. Mohd Asri Mohd Noor.

Dalam ucapannya, Prof. Dr. Norkhalid Salimin menyatakan harapannya agar Perpustakaan Tuanku Bainun menjadi kunjungan utama para penyelidik untuk mengakses bahan-bahan berkaitan perbankan dan kewangan Islam.

Beliau juga menambah bahawa perpustakaan ini boleh menganjurkan seminar, persidangan, dan kursus yang berkaitan untuk manfaat semua pihak. "Kerjasama strategik ini mencerminkan komitmen kita bersama dalam membentuk generasi pemimpin masa depan yang berilmu dan berwawasan," ujar beliau.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Majlis Anugerah Kolej-kolej Kediaman: Majlis Pengiktirafan Kepimpinan

Ipoh, 30 Jun-Hotel Casuarina Ipoh menjadi saksi kepada petang yang penuh gilang-gemilang apabila Majlis Anugerah Kolej-kolej Kediaman Kali Ke-17 dianjurkan dengan jayanya oleh Kolej Awang Had Salleh. Majlis yang penuh berprestij ini diadakan bertujuan

untuk memberi pengiktirafan kepada seluruh kalangan Majlis Mahasiswa Kolej, pentadbiran, dan Felo-felo, khususnya dalam bidang kepimpinan. Prof. Dr. Norkhalid bin Salimin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, dalam ucapannya menekankan hasrat

universiti untuk melahirkan graduan holistik yang unggul dari segi akhlak dan akademik. Menurut beliau, "Kepimpinan yang baik bukan sahaja dilihat dari kejayaan akademik, tetapi juga dari sudut pembentukan karakter yang cemerlang dan integriti yang tinggi."



Majlis Peluncuran Community Recycling Project - Plastic Waste To Fuel, Karnival Alam Sekitar Peringkat UPSI dan Hari Terbuka FSK 2024

Tanjong Malim, 29 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) komited merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menerusi Majlis Peluncuran Community Recycling Project: Plastic Waste to Fuel, Karnival Alam Sekitar peringkat UPSI dan Hari Terbuka Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) yang dilaksanakan bersempena dengan sambutan Hari Alam

Sekitar Sedunia dan Hari Bumi Sedunia 2024 bertempat di Tapak Food Court (Berhampiran Pintu Utama), Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Majlis ini dianjurkan oleh LCERC-FSK, FSK, Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda (JPPHB), Jawatankuasa SDG UPSI, UCTC, IKTBN Sepang dan V-FSK4U. Sebanyak 10 agensi luar terlibat dengan pameran yang diadakan sepanjang

majlis ini berlangsung termasuk Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Sepang, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah Muallim, Geospatial, Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Institut Tanah dan Ukur Negara, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, KOR SISPA APM dan Pusat Kesihatan Daerah Muallim.

Lawatan Pemantauan dan Penandaarasan Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) Bitara- UPSI dan Sesi Taklimat PPDK



UPSI Cadang Buka Kursus Berkredit untuk Silat Cekak

Tanjong Malim, 26 Jun-Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuhkan usaha untuk membangunkan generasi holistik apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM).

Majlis menandatangani MoU ini disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPSI, Prof. Dr. Norkhalid Salimin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) bersama Guru

Utama dan Presiden PSSCM, Datuk Haji Maideen Kadir Shah.

PSSCM yang diasaskan oleh Ustaz Haji Hanafi Ahmad pada 28 Disember 1965, telah berkembang pesat melalui pembangunan penyelidikan dalam pelestarian budaya, nilai ilmu persilatan dan pemeliharaan warisan.

MoU ini akan membuka pelbagai peluang kerjasama antara kedua pihak, antaranya Penyelidikan: Berkongsi kepakaran dalam memperkasakan pelestarian budaya,

nilai ilmu persilatan dan pemeliharaan warisan selaras dengan pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) ke-11.

Penerbitan Ilmiah, di mana kedua pihak bekerjasama menerbitkan buku dan jurnal berimpak yang memartabatkan nilai ilmu persilatan, khususnya Seni Silat Cekak Malaysia; Pembangunan Akademik, pihak UPSI menawarkan kursus elektif dalam bidang persilatan yang selari dengan keperluan semasa.



Karnival Inovasi PdP Sains Sosial 2024 (INOSAS 2024)



Semarak Siswa Madani 2.0 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)@ Penang



UPSI Jalin Kerjasama dengan Sekolah Antarabangsa Shengli-New Zealand School, Wilayah Shandong, China



UPSI Bakal Tubuhkan Pusat Pembelajaran di Wilayah SHANDONG, CHINA



Prof Md Amin dilantik semula Naib Canselor UPSI